



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SIARAN MEDIA

1,547 LOT TANAH DIWARTAKAN BAGI PROJEK ECRL DI KELANTAN

Pengambilan tanah untuk projek East Coast Rail Link (ECRL) di Negeri Kelantan dilaksanakan secara berfasa yang melibatkan Jajahan Kota Bharu, Machang, Bachok dan Pasir Puteh. Untuk Fasa 1 iaitu bagi tujuan jajaran utama sebanyak 1,547 lot tanah telah diwartakan di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Ketika ini, urusan pengambilan tanah yang dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Kelantan bagi Fasa 1 telah selesai.

Menurut Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan secara keseluruhan, projek ini berjalan lancar termasuk dari segi proses pengambilan tanah. Katanya beberapa isu berbangkit berkaitan pengambilan tanah dapat diselesaikan oleh Kementerian dengan kerjasama baik daripada semua pihak, terutama daripada Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, beliau mengambil kesempatan merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan semua agensi terbabit dalam melancarkan pelaksanaan projek ECRL di Kelantan.

Bagi Fasa 2, JKPTG Negeri Kelantan telah menerima permohonan pengambilan tanah yang melibatkan lot-lot tambahan sejumlah 109 lot di Jajahan Machang, Bachok dan Pasir Puteh. Permohonan tersebut telah diangkat kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sebelum diwartakan.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) turut mengambil perhatian kepada aspek kemampanan ekologi agar kesan kepada ekosistem untuk hidupan liar dan habitatnya adalah terkawal. KeTSA melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia telah mengambil tindakan dengan memperkukuhkan Pelan Pengurusan Hidupan Liar atau *Wildlife Management Plan* (WMP) dengan membangunkan garis panduan berkaitan pelaksanaan WMP agar selari dengan keperluan *Environmental Impact Assesment* (EIA).

Sebagai rekod, projek ECRL sepanjang 665 kilometer (km) merangkumi pembinaan di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor. Kelantan bakal mempunyai dua stesen ECRL iaitu stesen penumpang di Tunjong, Kota Bharu serta stesen penumpang dan kargo di Pasir Puteh dan jajaran ECRL membabitkan 43.86km.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

16 JUN 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)